

11/01/1999

PM mampu atasi kekeliruan rakyat

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah pun menjelaskan alasan beliau melepaskan portfolionya sebagai Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan Pertama. Berikutan itu, selepas hari raya ini, beliau akan menjelajah ke seluruh negara untuk menjelaskan kekeliruan rakyat mengenai perkembangan politik terkini berpunca daripada penyokong gerakan reformasi.

Dengan kebebasan mendapatkan maklumat yang diberikan kerajaan, rakyat hari ini disogok dengan pelbagai maklumat menerusi Internet, surat layang, akhbar parti pembangkang, ceramah politik dan bukan politik yang dicampuradukkan, tazkirah yang diadakan sepanjang Ramadan, perbualan dari mulut ke mulut dan sebagainya. Setakat ini, belum ada satu tindak balas besar-besaran untuk mematahkan serangan berkenaan. Serangan pihak berkenaan seolah-olah menggambarkan kerajaan berada pada pihak yang bersalah. Oleh itu, adalah menjadi tugas Dr Mahathir untuk membetulkan keadaan.

Walaupun ada pemimpin lain turut turun padang untuk memberi penjelasan, tetapi rakyat akan lebih lega jika mereka mendengarnya sendiri daripada Dr Mahathir. Tambahan pula sebahagian kecaman rakyat ditujukan kepadanya. Oleh itu, adalah lebih mudah diterima jika beliau sendiri menjawab segala dakwaan yang timbul.

Pelepasan portfolio Dr Mahathir di dua kementerian penting - Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Kewangan itu, tidak boleh dianggap sebagai melepaskan tanggungjawab kepada orang lain. Walau analisis apa sekali pun dilakukan, Perdana Menteri tetap bertanggungjawab atas segala yang berlaku di negara ini. Di KDN, pelepasan jawatannya tidak ada kaitan dengan isu imej polis yang didakwa segelintir rakyat kian merosot.

Golongan seperti itu hanya melihat peranan polis sewaktu negara ini aman, sebaliknya mereka memekak telinga dan membutakan mata berhubung peranan polis yang membolehkan mereka hidup dalam keadaan aman dan tenteram hari ini. Apa yang menjadi masalah, mereka membuat andaian itu sedangkan tidak ada pihak, mengikut keperluan undang-undang, mengatakan polis terbukti melakukan kesalahan. Oleh itu, setakat ini segala dakwaan terhadap polis bolehlah dianggap sebagai tuduhan melulu. Walaupun tidak lagi memegang jawatan Kementerian Kewangan, Dr Mahathir pasti memberi tumpuan yang lebih kepada kementerian yang dipimpin semula oleh Tun Daim Zainuddin. Dengan persefahaman kedua-dua mereka dalam menguruskan ekonomi negara, diharapkan kegawatan ekonomi akan berlalu.

Dengan pelepasan dua jawatan itu, Dr Mahathir mungkin mempunyai sedikit masa terluang yang membolehkannya melawat negeri-negeri dan bertemu rakyat di semua peringkat. Sebelum ini tugas itu diberikan kepada Timbalan Perdana Menteri. Adalah dirasakan Dr Mahathir perlu segera mengadakan lawatan untuk bertemu rakyat yang sedikit sebanyak pemikiran mereka kian berkecamuk akibat terdedah kepada pelbagai pendapat berhubung isu politik semasa. Pemikiran rakyat seolah-olah sudah dirangsang supaya mempertikai segala peraturan dan undang-undang, fakta serta segala bentuk keputusan yang diambil kerajaan. Bagi mereka, kerajaan tidak perlu melakukan kebaikan. Rakyat diajak menutup pintu pemikiran dan jangan berfikiran rasional.

Semua ini memerlukan penjelasan agar rakyat tidak terjerumus ketika membezakan antara hakikat dan pendapat yang didorong perasaan. Berasaskan beberapa isu besar sebelum ini seperti perpecahan 1987 yang berakhir

dengan Umno diisytiharkan mahkamah sebagai parti tidak sah, penubuhan Parti Melayu Semangat 46 (S46) serta isu kekebalan raja-raja, membuktikan rakyat memerlukan penjelasan jelas dalam menangani sesuatu isu. Kita benar-benar yakin Dr Mahathir mampu mengalihkan semula kekeliruan rakyat dan terus menyokong kerajaan. Dengan mewujudkan empat menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan tugas khusus masing-masing, adalah diyakini Perdana Menteri dapat menyumbangkan ideanya secara lebih berkesan, termasuk dalam usaha pemulihan ekonomi.

Peranan yang diberikan kepada Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman di JPM berhubung hal ehwal wanita, umpamanya, mempunyai kesan amat besar dalam konteks politik tanah air. Selama ini, penyelesaian masalah wanita tidak berfokus. Semua pertubuhan sama ada dalam kerajaan atau bukan kerajaan, turut berminat dengan soal membabitkan wanita, seolah-olah masalah yang membabitkan wanita tidak penting kepada kerajaan. Hakikatnya sumbangan wanita dalam arus politik negara ini, amat besar. Jika selama ini tidak ada program yang benar-benar berkesan, menerusi fungsi yang diberikan kepada Zaharah, pembabitan lebih besar wanita dalam gelombang pembangunan negara dapat dilaksanakan.

(END)